



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTthem)**
www.jthem.com



**PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN DAN KESIHATAN
INSTITUSI KELUARGA MELALUI AKTIVITI SUKAN
MEMANAH TRADISIONAL**

*THE DEVELOPMENT OF FAMILY INSTITUTIONAL WELL -BEING AND
HEALTH THROUGH TRADITIONAL ARCHERY ACTIVITIES*

Jamalia Aurani^{1*}, Nadiyah Hashim², Ahmad Fikri Mohd Kassim³, Ahmad Dzulkarnain Ismail⁴, Siti Maryam Abdul Wahab⁵

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia
Email: jamalia607@uitm.edu.my

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia
Email: nadiyah@uitm.edu.my

³ Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia
Email: ahmadfikri@uitm.edu.my

⁴ Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia
Email: ahmad409@uitm.edu.my

⁵ Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur (FSPU), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia
Email: sitimaryam@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.04.2022

Revised date: 25.04.2022

Accepted date: 31.05.2022

Published date: 22.06.2022

To cite this document:

Aurani, J., Hashim, N., Kassim, A. F. M., Ismail, A. D., & Wahab, S. M. A. (2022). Pembangunan Kesejahteraan Dan Kesihatan Institusi Keluarga Melalui Aktiviti Sukan Memanah Tradisional. *Journal of Tourism*

Abstrak:

Pemilihan gaya hidup sihat melalui sukan amat dianjurkan untuk menambahbaik kualiti kehidupan ke arah kesejahteraan dan kesihatan. Aktiviti yang dijalankan secara individu mahupun secara berkelompok mampu memberi manfaat fizikal dan spiritual. Sukan memanah tradisional merupakan salah satu jenis sukan yang relevan pelaksanaannya merangkumi semua aspek penyertaan iaitu secara individu atau berkelompok, tidak terhad kepada faktor umur juga jantina. Tinjauan semasa sesi latihan dan pertandingan sukan ini sepanjang tempoh tahun 2019 hingga 2021 mendapati bahawa sukan memanah tradisional menunjukkan *trend* penglibatan dan penyertaan yang semakin menggalakkan dalam kalangan masyarakat. Penglibatan masyarakat secara berkeluarga serta situasi pandemik yang bermula sejak 2019 sehingga 2021 menampakkan pelbagai isu kesihatan yang berkaitan dengan kurang mengamalkan gaya hidup sihat serta tumpuan mendepani dunia digital yang seolah menjadi kekangan untuk individu mahupun keluarga terlibat dengan

*Hospitality and Environment
Management*, 7 (28), 66-75.

DOI: 10.35631/JTHER.728005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



sukan dan riadah juga menjadi asas pengkajian ini dilaksanakan. Terdapat pebagai kajian lepas mengenai penglibatan sukan secara berkeluarga dan impaknya dalam kehidupan, di samping kajian impak sukan memanah terhadap kualiti kesihatan telah membuktikan kebaikan dan manfaat sukan ini. Gesaan wahyu juga menjadi pencetus bagi peminat sukan memanah dalam kalangan muslim untuk turut menyemarakkan lagi kehebatan sukan memanah. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif memfokuskan reka bentuk kajian temubual, kajian perpustakaan dan pemerhatian. Hasil kajian tinjauan mendapati penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukan memanah tradisional secara kelompok iaitu menerusi institusi keluarga sangat menggalakkan. Seterusnya melihat impaknya ke arah kesejahteraan dan kesihatan institusi keluarga yang bersepadu antara jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kajian ini juga berpotensi membuka peluang kepada masyarakat mendekati ilmu memanah secara teori dan praktis, serta menjadi motivasi pengamalan gaya hidup sihat secara berkeluarga.

Kata Kunci:

Institusi keluarga; Kesejahteraan; Kesihatan; Sukan Memanah Tradisional

Abstract:

Involvement in sports is a part of a healthy lifestyle that is highly recommended to improve quality of life and well-being. Activities carried out individually or in groups significantly provide both physical and spiritual benefits. Alternatively, traditional archery is one of the considerable sports which are beneficial physically and spiritually, and therefore participation in this particular sport is open to individuals or groups regardless of age or gender. The observations made during traditional archery training sessions and tournaments in 2019-2021 led to a significant increase in community participation and involvement in this sport. Due to the pandemic outbreak recently, the lifestyle of people is remarkably affected especially in maintaining a healthy lifestyle. Therefore, the focus of the study is to provide an alternative way in enhancing a healthy family lifestyle through archery activity. Previous studies have shown the number of family involvements in archery activity is impactful in increasing health quality tremendously. Furthermore, archery is also specifically recommended by the Prophet Muhammad (PBUH) and thus provides intrinsic values triggering the Muslim enthusiast to participate in this sport. This study applies a qualitative method and depends much on textual research, interviews, and observation. The finding indicates that community participation in traditional group archery activities through family institutions is very encouraging. The finding also has proven that archery alternatively, is impactful in integrating the well-being of family institutions in terms of physical, emotional, spiritual, and intellectual. Hence, this study potentially provides opportunities for the community to acknowledge archery activity in theory and practice, as well as encouragement to lead a healthy lifestyle as a family.

Keywords:

Family Institutions; Health; Traditional Archery; Well-Being

Pengenalan

Institusi keluarga yang disulami dengan sakinah, mawaddah dan rahmah akan membantu ke arah pembangunan kesejahteraan dan kesihatan ahli keluarga. Kesejahteraan dan kesihatan institusi keluarga berperanan besar dalam melahirkan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat, seterusnya bangsa dan negara. Islam amat menitikberatkan peranan keluarga, bermula dari saat pembinaan rumahtangga sehinggalah pendidikan anak-anak yang menyeluruh ke arah usaha tersebut. Pendidikan anak-anak oleh institusi keluarga yang dimainperanan oleh ibu bapa dijelaskan dengan terperinci oleh Abdullah Nasih Ulwan (2015) dalam tulisannya bertajuk *Tarbiyyatul Aulad fil Islam*. Pendidikan jasmani dan kesihatan juga turut ditekankan sebagai elemen pendidikan yang akan melahirkan kesejahteraan dan kesihatan terhadap ahli keluarga. Kesejahteraan keluarga secara falsafahnya adalah merangkumi hubungan sosial yang baik, wujud komunikasi yang harmoni antara ahli keluarga dan daya resiliensi keluarga dalam mengharungi kehidupan untuk mencapai sebuah kehidupan yang bahagia dan sempurna. Aktiviti sukan yang diklasifikasikan sebagai pendidikan jasmani, fizikal dan kesihatan juga memainkan peranan untuk membantu proses pembangunan kesejahteraan dan kesihatan institusi kekeluargaan. Maka, sukan memanah tradisional adalah satu pilihan yang relevan dalam usaha realisasi matlamat tersebut. Pemilihan sukan memanah khususnya memanah tradisional sebagai aktiviti sukan dan riadah keluarga adalah bertepatan dengan kedudukannya sebagai salah satu sukan asas dalam Islam yang dianjurkan melalui nas wahyu (Jamalia Aurani, et.al., 2018). Ia juga mempunyai lakaran sirah dan sejarah tersendiri dalam zaman ketamadunan Islam yang mana ia dirakamkan dalam sejarah Islam menerusi penulisan yang dimulai dengan ilmu wahyu, kemudian disusuli dengan penulisan sarjana-sarjana muslim seawal kurun ke 6-7H / 12-13M seperti kitab yang ditulis oleh Imam al-Tabari berjudul *al-Wadih*, kemudian disusuli pada kurun ke 8-9H/ 14-15M antaranya kitab *Ghunyat at-Tullāb fi Ma'rifati ar-Ramyu wa'l-Nushshāb* oleh Taybugha al-Ashrafi, *Bayan Fadhl al-Qaws wa al-Siham wa Awsafihima* oleh Abdullah bin Maimun dan kitab *Telhis Rasail al-Rumat* yang dikarang oleh Mustafa Kani pada tahun 1251H/1835M. Selain itu terdapat versi penterjemahan kitab *Ghunyat at-Tullāb fi Ma'rifati ar-Ramyu wa'l-Nushshāb* dalam Bahasa Inggeris oleh J.D.Latham & W.F Petterson diberi judul *Saracen Archery An English Version and Exposition of A Mameluke Work on Archery* (1970). Tambahan pula, sukan memanah tradisional dapat dilaksanakan secara penyertaan berkeluarga dan sesuai dijadikan sebagai riadah untuk menjalani gaya hidup sihat. Ia menyokong matlamat aspirasi Keluarga Malaysia iaitu selari dan menepati nilai dan ciri-ciri Keluarga Malaysia iaitu Kebersamaan dan Kesyukuran. Pilihan sukan memanah secara umum, khususnya memanah tradisional sebagai elemen pembangunan kesejahteraan dan kesihatan institusi keluarga juga dapat diketengahkan lagi dengan wujudnya perbincangan impak positifnya terhadap kesihatan yang menyeluruh merangkumi aspek fizikal, jasmani, emosi, rohani, mental dan spiritual menerusi kajian-kajian dan penyelidikan berkaitan manfaat dan kebaikan sukan memanah ini.

Kajian Literatur

Kajian oleh Chalak (2020) dalam penyelidikan bertajuk *“Enhancing in Health and Fitness Through Archery Game”* mendapati memanah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesihatan dan kecergasan, malah memanah sebagai sukan yang dilaksanakan secara pergerakan berulang membantu kekuatan otot, membentuk keyakinan diri, fokus mental dan membentuk kesabaran dalam diri. Latihan dan riadah memanah memberi banyak manfaat untuk kesihatan pada otot selain membantu fungsi jantung serta membantu kesihatan dari aspek psikologi yang ketara (Aysan, 2016) Selain itu, Yudik Prasetyo (2020), dalam kajiannya

mendapati memanah dapat membina sistem imuniti dan memupuk amalan akhlak yang baik dan tingkah laku yang beretika. Menurut Eversole, Hollenbach (2012) menerusi artikel bertajuk *The Top 10 Benefits of Archery*, terdapat banyak faedah daripada aktiviti memanah seperti kesan terhadap kesihatan fizikal, mental dan faedah untuk emosi dan spiritual. Selain itu, paparan menerusi dada-dada akhbar juga mengetengahkan manfaaat aktiviti memanah terhadap kesihatan manusia yang dapat disertai oleh pelbagai lapisan umur bermula dari kanak-kanak hinggalah dewasa, termasuk juga golongan kelainan upaya (Suhaila Shahrul Anuar, 2016; Bernama, Astro Awani, 2019; Mohd Aizat Shamsuddin, 2018; Zaidi Mohamad, 2019). Dapatan kajian lepas tersebut dapat dirumuskan bahawa terdapat manfaat dan kebaikan memanah secara umum terhadap kesihatan manusia. Tambahan pula, kajian-kajian terdahulu berkaitan penglibatan keluarga dalam aktiviti sukan juga turut menyokong kajian ini dilaksanakan dengan memberi fokus utama kepada pemilihan sukan memanah yang belum dikaji secara khusus sebagai aktiviti sukan secara komuniti keluarga. Menurut Lan, Q (2013) dalam kajiannya mengenai ciri-ciri sukan keluarga dalam peringkat zaman kehidupan manusia bermula zaman primitif, hamba, feudal, pramoden dan moden, menyimpulkan bahawa sukan secara keluarga mempunyai peranan yang besar dan harus dipromosikan untuk dikembangkan dengan pesat. Di samping itu, Cho, M (2014) dalam kajiannya ke atas 202 orang peserta secara berkeluarga dalam aktiviti sukan dan rekreasi menunjukkan tahap penyertaan keluarga dalam sukan dan rekreasi mempengaruhi daya resiliensi keluarga dan kemahiran perhubungan komunikasi antara ahli keluarga. Didapati juga kajian-kajian lain yang membahaskan kepentingan dan signifikan budaya keluarga dalam penyertaan aktiviti sukan dan rekreasi (Shaw, S.M & Dawson, D 2010; Weeler, S, 2011; Lamke, G, G 2013; Knoester, C & Fields, V.T 2019), namun penamaan jenis sukan tidak dinyatakan secara khusus. Sehubungan itu, pengkaji mengutarakan secara khusus pemilihan sukan memanah tradisional sebagai instrumen dalam kajian untuk melihat implimentasi sukan ini sebagai satu pilihan aktiviti sukan dan riadah serta gaya hidup sihat oleh institusi keluarga yang mampu memberikan impak besar ke arah pembangunan kesejahteraan dan kesihatan secara menyeluruh.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menfokuskan reka bentuk kajian kes. Bagi mencapai objektif pertama kajian, satu kajian teoritikal dilaksanakan melalui pengumpulan data sekunder menerusi kajian perpustakaan mengenai impak memanah terhadap kesihatan serta dapatan data berkaitan trend semasa dan kesedaran masyarakat berkaitan aktiviti memanah di Malaysia. Seterusnya kaedah temu bual semi struktur dijalankan terhadap pengasas organisasi memanah tradisional, jurulatih dan pemanah tradisional terpilih di Malaysia dan kaedah pemerhatian secara turut serta oleh penyelidik dalam aktiviti dan pertandingan memanah tradisional pada suku akhir tahun 2019 hingga 2021 bagi mengenalpasti trend penglibatan memanah secara berkeluarga (objektif kedua). Soalan bagi temu bual ke atas responden dibangunkan untuk pelaksanaan kajian ini berdasarkan kajian literatur dan kajian lampau. Akhir sekali, analisa data kualitatif dirumuskan berdasarkan dapatan kajian temu bual dan diolah mengikut tema perbincangan mengenai kajian impak pelaksanaan aktiviti sukan memanah tradisional terhadap pembangunan kesejahteraan dan kesihatan institusi keluarga (objektif ketiga).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Trend Semasa Dan Kesedaran Masyarakat Berkaitan Aktiviti Memanah Di Malaysia.

Data yang diperoleh hasil pemerhatian secara turut serta oleh penyelidik dalam aktiviti dan pertandingan memanah di Malaysia dan dapatan melalui laman sesawang rasmi kelab dan persatuan memanah mengenai penganjuran pertandingan pada tahun 2019 sehingga Januari 2022 menunjukkan penglibatan masyarakat secara menyeluruh merangkumi pelbagai tahap umur dan jantina. Banyak siri pertandingan dan sesi latihan dilaksanakan di Semenanjung Malaysia sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Aktiviti Memanah di Malaysia Sekitar Tahun 2019 sehingga Januari 2022.

Bil	Aktiviti dan Pertandingan Memanah	Tarikh	Jumlah Penyertaan	Lokasi
1	Traditional Archery League, Kedah State Level, (Siri 2/2019)	5 Sept 2019	157	Kompleks PAS Kedah, Batu 9, Simpang 4, Kedah
2	Archery booth in “Walk Malaysia: 10000 Langkah”	21 Sept 2019	205	UiTM Cawangan Perlis
3	Open Archery Tournament UniSHAMS	21 Sept 2019	50	UniSHAMS
4	Taditional Archery Mini Game, Brainy Aulad	5 Oktober 2019	63	Padang Bola berhadapan Masjid Abidin, Changlun, Kedah
5	Utara Classic Open	5 Oktober 2019		SMK Mergong, Alor Setar, Kedah
6	Kedah International Traditional Archery Competition	12 Oktober 2019	265	SMK Kubang Rotan, Kedah
7	Horseback Archery Activity	24–27 Oktober 2019	Open	Amanjaya Mall, Sungai Petani
8	Pendang Open Archery Tournament 2019	25 – 27 Oktober 2019	Open	Stadium Majlis Daerah Pendang
9	UUM Open Traditional Archery Tournament 3.0	26 Oktober 2019	154	Padang Memanah UUM
10	The Archer Warrior North Edition (4-6 yrs / 7-15 yrs), Thalbah Archery Academy	27 Julai 2019	209	Stadium Utama Perlis
11	Mahrajan Open Traditional PEKDIS	23 November 2019	350	SMKA Yan, Kedah
12	Kelas Asas Memanah Tradisional	Bermula November 2019 hingga Mac 2020	12 peserta / sesi	UiTM Cawangan Perlis

13	Kelas Memanah Tradisional oleh Brainy Aulad Archery	Ahad setiap minggu 2019-2020	10-20	Denai Larian, Pengkalan Assam
14	2019 Archery in the Garden, YTAC	Ogos 2019	150-200	Yala, Thailand
15	SELEKTA 5 Traditional Archery Competition	22 Februari 2020	150	Padang B MMU Cyberjaya
16	Pertandingan Memanah Tradisional Perlis 1.0	8 Mac 2020	50	Padang Kem Oran, Perlis
17	Liga Memanah Tradisional Kebangsaan Ke 3	1 Mac 2020	200++	Savanna Hill Resort, Ulu Tiram Johor
18	Natural Arrow Online 2021 International	10, 11 dan 12 September 2021	200++	Laman Memanah masing-masing
19	Pertandingan Memanah Tradisional Perlis (Terbuka)	30 Januari 2022	100++	Padang MPK Kangar, Perlis
20	Kelas Memanah Tradisional Sesi 2022	Sabtu dan Ahad (9.00-11.00 pagi)	4-9 orang/ sesi	Laman Salham Beseri, Perlis

Trend Semasa Penglibatan Secara Berkeluarga Dalam Aktiviti Memanah Tradisional

Kajian semasa dijalankan melalui kaedah temu bual bersama lapan responden yang terdiri daripada pengasas organisasi memanah merangkap jurulatih dan pemanah tradisional. Pendapat dan pengalaman mereka dikumpul bagi mendapatkan gambaran mengenai trend semasa penglibatan secara berkeluarga dalam aktiviti memanah tradisional serta impak pelaksanaan aktiviti sukan memanah tradisional terhadap pembangunan kesejahteraan dan kesihatan institusi keluarga. Perincian latar belakang responden adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Latar Belakang Responden

Nama Responden	Posisi/ Jawatan	Organisasi/ Persatuan
Tn. Sheikh Fuad Sh. Mahmud	Pemanah Tradisional, Jurulatih dan Pengasas Organisasi Memanah	Inovarc Solution, Kuala Lumpur
En. Mohamad Faiz Kasim	Pemanah Tradisional, Jurulatih dan Pengasas Organisasi Memanah	Akademi Panah Emas, Jitra, Kedah
En. Ashraf Mohd Arshad	Pemanah Tradisional, Jurulatih dan Pengasas Organisasi Memanah	Mulya Archery Academy, Perlis
Sharizal Mohd Nor	Pemanah Tradisional, Jurulatih dan Pengasas Organisasi Memanah	Brainy Aulad Archery Club, Perlis & Kedah
Mumtaz Abd. Hamid	Pemanah Tradisional, Jurulatih dan Pengasas Organisasi Memanah	Kelab Memanah Dirilis Okcular, Perlis

Fuad Zakiy	Guru dan Pemanah Tradisional	Kelab Memanah Dirilis Okcular, Perlis
Alawiah Abu Bakar	Guru dan Pemanah Tradisional	Darul Aman Archery Club
Qurrotul Aien Fatah Yasin	Penulis, Pendakwah, Pemanah Tradisional dan Jurulatih Memanah Tradisional	Kelab Srikandi Ummah - Jam'iyah, Selangor

Berdasarkan objektif kedua kajian, segala maklumat dan pandangan mengenai *trend* semasa penglibatan secara berkeluarga dalam aktiviti memanah tradisional telah dikumpul. Kelapan-lapan responden telah berkecimpung dalam bidang memanah lebih dari dua tahun dan ada yang telah mencecah 22 tahun. Secara spesifiknya, dua responden terlibat selama dua tahun setengah, tiga responden telah berkecimpung selama enam tahun, manakala selebihnya masing-masing selama tempoh 12 tahun, 10 tahun dan 22 tahun. Melihat kepada tahun penglibatan responden dalam bidang kepakaran memanah tradisional ini, jelas membuktikan pemilihan responden dalam kajian ini adalah sangat relevan.

Mengenai trend semasa penglibatan secara berkeluarga dalam aktiviti memanah yang dikendalikan oleh responden, dapatan daripada temu bual yang dijalankan, terdapat penyertaan secara berkeluarga bagi setiap aktiviti dan sesi latihan memanah yang dijalankan oleh responden. Menurut Tn. Sheikh Fuad Sh. Mahmud (2022), pada awal-awal pelaksanaan sesi latihan memanah yang dikendalikan pada sekitar 2007 penyertaan adalah secara individu, namun hari ini dengan sambutan menggalakkan dalam setiap sesi memanah tradisional menampakkan penglibatan seluruh keluarga dalam sukan memanah tradisional. Hal ini turut disokong oleh tujuh responden yang lain. Ashraf Mohd Arshad (2022) menjelaskan daripada 50 jumlah peserta memanah yang dikendalikan oleh Mulya Archery Academy, 45 orang peserta adalah terdiri daripada penyertaan berkeluarga iaitu diwakili sekurang-kurangnya dua orang bagi setiap keluarga dan melibatkan 15 keluarga. Manakala, Kelab Memanah Dirilis Okcular yang diwakili Presidennya Mumtaz Hamid (2022) menyatakan hampir 10 keluarga yang menyertai aktiviti memanah yang dijalankan dan beliau menegaskan bahawa terdapat sebuah keluarga yang diwakili sembilan orang bermula dari ayah, ibu hinggalah tujuh orang anak-anak. Bagi Mohamad Faiz & Sharizal (2022), walaupun hanya sebilangan ahli yang menyertai memanah secara berkeluarga, ia tetap wujud dan memberikan semangat serta motivasi dalam melahirkan persaingat yang hebat. Di samping itu, bagi Fuad Zakiy, Alawiah & Qurrotul Ain (2022), secara dasarnya mereka juga menyertai aktiviti memanah secara berkeluarga.

Maka, dapat disimpulkan bahawa sukan memanah tradisional yang dilaksanakan oleh organisasi dan kelab memanah di Malaysia khususnya yang dikendalikan oleh responden kajian membuktikan trend penglibatan secara keluarga dalam aktiviti memanah semakin menggalakkan. Tambahan pula, pada saat negara dilanda wabak pandemik Covid-19 dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan hinggalah negara beralih ke Fasa Pemulihan, ketetapan Pematuhan Standard Operasi (SOP) oleh pihak Majlis Keselamatan Negara ke atas pelaksanaan sukan dan rekreasi hanyalah dibenarkan aktiviti sukan yang tidak bersentuhan telah menjadi pemangkin kepada masyarakat berkeluarga untuk memilih gaya hidup sihat melalui sukan memanah tradisional. Hal ini dikukuhkan lagi dengan dapatan melalui kaedah

pemerhatian secara turut serta oleh pengkaji dalam siri pertandingan memanah tradisional yang dijalankan sekitar zaman pandemik bermula Disember 2019 hingga kini mendapati penyertaan dalam siri-siri pertandingan yang dilaksanakan secara online di tempat atau lapangasar memanah sendiri yang mencecah 100 hingga 200 peserta; penyertaan mewakili institusi keluarga amat memberangsangkan. Contohnya menerusi pertandingan SELEKTA 5 Traditional Archery Competition di Cyberjaya, penyertaan secara keluarga dapat dilihat menerusi acara yang diadakan mengikut kategori iaitu kategori Dewasa Lelaki, Dewasa Wanita, Remaja Lelaki, Remaja Perempuan, Cilik Lelaki dan Cilik Perempuan.

Impak Penglibatan Secara Berkeluarga Dalam Aktiviti Sukan Memanah Tradisional Terhadap Pembangunan Kesejahteraan dan Kesihatan Institusi Keluarga.

Bagi mencapai kehendak objektif ketiga kajian, penyelidik mengumpulkan maklumat dan pandangan berkaitan impak penglibatan secara berkeluarga dalam aktiviti sukan memanah tradisional terhadap pembangunan kesejahteraan dan kesihatan institusi keluarga menerusi temu bual ke atas lapan responden.

Impak Terhadap Pembangunan Kesejahteraan Institusi Keluarga

Menurut Tn. Sheikh Fuad Sh. Mahmud (2022), beliau bersetuju bahawa penyertaan dalam sukan memanah tradisional mendorong kepada impak positif dalam mewujudkan kesejahteraan institusi keluarga atas dasar memanah tradisional adalah satu aktiviti sukan yang mengandungi elemen kegembiraan di samping menghilangkan stres dan tekanan. Pada dasarnya mungkin diketahui bahawa aktiviti memanah tradisional hanya bersifat statik iaitu pemanah melemparkan anak panah ke arah papan sasaran semata-mata. Namun, kepelbagaian aktiviti pemanahan dilaksanakan secara permainan selain sasaran ke arah papan target iaitu sebagai contohnya ialah *combat archery*. Ia boleh disertai oleh peserta pemanah secara berpasukan dan berlawan dengan pasukan yang lain. Tegas beliau lagi, suasana aktiviti memanah yang dikendalikan dengan teratur oleh jurulatih dan fasilitator dengan menekankan adab-adab sebelum, semasa dan selepas aktiviti pemanahan seperti memulakan dengan niat ibadah mengikut sunnah Nabi Muhammad SAW, digalakkan berwuduk dan berdoa sebelum memulakan aktiviti akan menerapkan nilai dan impak kerohanian dalam diri pemanah secara individu seterusnya pemupukan nilai ini melibatkan ahli keluarga yang turut serta; mampu menghidupkan rasa kesejahteraan dan kebersamaan dalam sesebuah institusi keluarga. Pandangan ini turut disokong oleh Ashraf Mohd Arshad (2022) kerana menurut beliau aktiviti memanah tradisional mempunyai keunikan tersendiri dalam pelaksanaannya yang mana dapat dirujuk menerusi dalil wahyu berkaitan anjuran dan galakan oleh Nabi Muhammad SAW agar mempelajari memanah dan satu pilihan yang sangat sesuai untuk disertai oleh seluruh ahli keluarga kerana memanah tradisional boleh disertai oleh pelbagai lapisan umur dan jantina. Menurut Mumtaz Hamid dan Qurrotul Aien (2022) pula, dengan pemilihan sukan memanah sebagai aktiviti yang melibatkan penyertaan secara berkeluarga sebenarnya mendorong kepada mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli keluarga dan kedekatan perasaan yang dikongsi. Tambah beliau, sekiranya penganjuran pertandingan diadakan, ia boleh disertai bersama keluarga dan dapat mengenali ahli keluarga yang lain yang turut serta dalam pertandingan yang diadakan. Galakan dan motivasi antara ahli keluarga yang bertanding menaikkan lagi semangat daya saing untuk menguasai kemahiran memanah tradisional dan mencipta kemenangan bersama. Pandangan ini turut disokong oleh kajian lampau yang menyatakan penglibatan ibu dan anak dalam aktiviti sukan mahupun aktiviti luar akan membawa kepada wujudnya keakraban dalam perhubungan kekeluargaan (Knoester, C& Fields, V.T, 2019).

Mohamad Faiz (2022) melontarkan pandangan yang agak berbeza iaitu menurutnya, penyertaan dalam aktiviti memanah secara berkeluarga dapat mencapai matlamat kesejahteraan institusi keluarga sekiranya ahli keluarga tersebut mempunyai minat yang tinggi dan bukannya penglibatan secara paksa misalnya ibu bapa menghantar anak-anak untuk mengikuti sesi latihan memanah sedangkan anak tersebut tidak mempunyai minat yang mendalam sekadar mengikut kehendak ibu bapanya. Namun dengan sokongan dan dorongan ahli keluarga yang turut sama dalam arena yang sama, dikuatkan lagi dengan pelaksanaan sesi aktiviti yang menarik oleh jurulatih dan fasilitator mampu mendorong ke arah mewujudkan impak positif terhadap pembangunan kesejahteraan institusi keluarga ekoran sukan memanah tradisional ini mempunyai kehebatan dan manfaat yang tersendiri. Menurut Sharizal (2022), impak pembangunan kesejahteraan institusi keluarga dapat dicapai dengan wujudnya penyertaan secara berkeluarga dalam aktiviti memanah kerana penglibatan ibu dan bapa bersama anak-anak dapat membantu anak-anak membentuk kemahiran individu serta ibu bapa dapat melihat perkembangan dan bakat anak-anak untuk diketengahkan. Pandangan ini bertepatan dengan kajian oleh Wheeler, S (2011) bahawa budaya keluarga adalah faktor utama menyokong kecenderungan individu untuk bersukan. Hal yang demikian juga akan wujud elemen motivasi antara satu sama lain untuk memperoleh kejayaan dan penguasaan dalam bidang sukan memanah tradisional. Di samping itu, Fuad Zakiy & Alawiah (2022) bersetuju dengan pernyataan bahawa penglibatan secara berkeluarga dalam sukan dan aktiviti memanah tradisional akan mendatangkan impak positif terhadap kesejahteraan keluarga kerana wujudnya kebersamaan dan kesatuan hati yang secara tidak langsung melahirkan suasana keharmonian antara ahli keluarga.

Impak Terhadap Kualiti Kesihatan Institusi Keluarga

Semua responden yang ditemubual tidak menafikan bahawa dengan wujudnya penglibatan secara berkeluarga dalam aktiviti memanah tradisional mampu memberikan impak positif terhadap kualiti kesihatan ahli keluarga merangkumi kesihatan fizikal, jasmani, emosi, rohani, mental dan spiritual. Hal ini telah dibuktikan melalui kajian-kajian lepas berkaitan manfaat dan kebaikan sukan memanah terhadap kesihatan manusia (Jamalia Aurani, et.al, 2021)

Konklusi

Konklusinya, kajian ini mendapati bahawa sukan memanah tradisional mempunyai kedudukan yang tersendiri sebagai ranking pemilihan aktiviti sukan dan riadah oleh masyarakat di Malaysia. Lebih menarik apabila kajian mengetengahkan wujudnya penglibatan secara berkeluarga dalam aktiviti sukan memanah tradisional ini yang rata-ratanya diminati oleh muslim ekoran terdapat gesaan wahyu dan dinobatkan sebagai sukan sunnah yang dinilai sebagai ibadah. Tambahan pula, kajian mengenai impak sukan memanah secara umum terhadap kesihatan dan kesejahteraan hidup manusia telah banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lampau. Responden kajian menyatakan pandangan mereka yang bersetuju dengan pemilihan sukan memanah tradisional mampu mencorak dan menyokong ke arah pembangunan kesejahteraan dan kesihatan institusi keluarga.

Rujukan

- Abdullah Nasih Ulwan, (2015) terj. Mohd Ikhwan bin Abdullah, Tarbiyatul Aulad Fil Islam, Jilid 1, PTS Publishing House
- Aysan, H.A (2016). The Effects of Archery as A Sport Branch on Coping with Stress, Stud. Ethno-Medicine, 10(1):39-43

- Chalak, B. (2020), Enhancing in Health and Fitness through Archery Game. International Conference on Enhancing Skills in Physical Education and Sport Science 2020, Edition:1st. London, England: Rubicon Publications, 111-114
- Gunduz, N, Keskin, M.T, Edrugan, F, (2017), Investigation of Participation Motivation in Exercises of Students Participating in Archery in Extra Curricular Activities, Universal Journal of Educational Research 5(10), 1764-1771. Diambil daripada <http://www.hrpub.org>
- Jamalia Aurani, et.al. A Model of Islamic Traditional Archery Inspired By Okular Vakfi: Community Health Benefits And Its Potential As An Islamic Tourism Product. E-proceedings International E-Conference On New Normal in Education 2020 (2021).p.322-340
- Jamalia Aurani, Sharipah Isa, Ashraf Mohd Arshad, (2018), Sukan Memanah Tradisi Islam Satu Sorotan Sejarah, Dinamika Kefahaman dan Pemikiran Islam Semasa, Cetakan Pertama, IIUM: IIUM Press, 368-386
- Knoester, C, Randolph, T (2019) Father-child sports participation and outdoor activities: Patterns and implications for health and father-child relationships. *The Sociology of Sport Journal* 36(4): 322–329.
- Knoester, C, T. Fields, V (2019), Mother–child engagement in sports and outdoor activities: Intensive mothering, purposive leisure, and implications for health and relationship closeness, *International Sociology of Sport Association*, SAGE Journal, <https://doi.org/10.1177/1012690219855916>
- Lan, Q (2014), Research on Family Sports and Its Enlightenment, *Journal of Exercise and Rehabilitation*, Pages 313-318, Published online 2014 Oct 31
- Latham, J.D & Patterson, W.F (1970), *Saracen Archery; An English Version and Exposition of A Mameluke Work on Archery*, Great Britian: The Holland Press Limited
- Min-soo Cho (1984), The influence of family’s participation in recreational sports on its resilience and communication facilitation, *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, Volume 55, Issue 8.
- Prasetyo. Y, (2020), Building immunity and investing value of Pancasila through archery Covid-19 in pandemic time, *Medikora Journal*, Volume 19, No.2. <https://journal.uny.ac.id/index.php/medikora/article/view/35122>
- Shaw, S.M, Dawson, D (2001), Purposive Leisure: Examining Parental Discourses on Family Activities, *An Interdisciplinary Journal*, Volume 23, 2001 Issue 4, Pages 217-231. Published online: 29 Oct 2010
- Wheeler, S (2011), The significance of family culture for sports participation, Volume: 47 Issue: 2, Springer. Page(s): 235-252
- Wheeler, S, Green, K (2014) Parenting in relation to children’s sports participation: Generational changes and potential implications. *Leisure Studies* 33(3): 267–284.